



04 JUL, 2023

Kerosakan mesin pengimbas kastam di KLIA sudah dibaiki

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

Kerosakan mesin pengimbas kastam di KLIA sudah dibaiki

MELAKA: Kerosakan enam daripada tujuh mesin pengimbas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sudah mula dibaik pulih semalam, kata Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Seri Ahmad Maslan.

Beliau berkata, pembaikan itu membabitkan kos lebih RM1 juta dan kementerian tidak mempunyai halangan untuk meluluskan sebarang baik pulih yang dikemukakan daripada mana-mana agensi atau jabatan setakat ini.

Ahmad berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Kursus Integriti Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL) dengan Pertubuhan Kastam Sedunia (WCO) dan Regional Office for Capacity Building (ROCB) di Bukit Baru, yang turut dihadiri Ketua Pengarah JKDM Datuk Zazuli Johan.

Sementara itu, Zazuli berkata, kawalan agensi berkenaan

di KLIA tidak hanya bergantung kepada mesin pengimbas semata-mata, malah beberapa cara turut digunakan JKDM dalam melindungi keselamatan di pintu masuk utama negara.

Beliau berkata, antara kaedah digunakan ialah pemerhatian pegawai di lapangan terbang terhadap kehadiran penumpang yang baru tiba dari mana-mana negara di lapangan berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam dilaporkan berkata beliau mendapati hanya satu daripada tujuh pengimbas barangan sahaja beroperasi di KLIA dan beliau mahu keadaan itu diperbaiki segera.

- Bernama



DATUK Seri Ahmad Maslan diiringi Datuk Zazuli Johan semasa hadir pada majlis Perasmian Kursus Integriti Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL) dengan Pertubuhan Kastam Sedunia (WCO) dan Regional Office for Capacity Building (ROCB) di AKMAL dekat Ayer Keroh semalam. • Foto BERNAMA



04 JUL, 2023

Kerosakan mesin pengimbas kastam di KLIA sudah dibaiki

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

MELAKA: Kerosakan enam daripada tujuh mesin pengimbas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sudah mula dibaik pulih semalam, kata Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Seri Ahmad Maslan. Beliau berkata, pembaikan itu membabitkan kos lebih RM1 juta dan kementerian tidak mempunyai halangan untuk meluluskan sebarang baik pulih yang dikemukakan daripada mana-mana agensi atau jabatan setakat ini.